

BAHAGIAN B

[25 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

1. Dalam iklan di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

SERTAI ACARA MARATON BERBASIKAL
Sempena Konvokesion Universiti Industri Selangor Tahun 2019

Syarat Penyertaan:

1. Warga negara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Tubuh badan sihat dan cergas.
3. Yuran penyertaan RM 50.00.
4. Peserta akan mendapat medal dan baju-T percuma.
5. Cabutan bertuah selepas tamat perlumbaan.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

2. Dalam iklan di bawah, terdapat **dua kesalahan tatabahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Iffat: Tahniah Iman kerana kamu menjadi murid cemerlang.

Iman: Terima kasih, Iffat. Kejayaan ini berkat doa dari ibu bapa kita.

Iffat: Ya, betul tu. Kamu mahu melanjutkan pelajaran dalam bidang apa?

Iman: Ayah dan ibu saya berharap agar saya dapat belajar dalam bidang perubatan walaupun saya sebenarnya minat belajar kulinari.

Iffat: Oh, semuanya terpulang kepada kamu! Berbincanglah baik-baik dengan ibu bapa kamu. Semoga kamu berjaya mencapai cita-cita yang diidamkan oleh kamu.

Iman: Terima kasih, Iffat.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]